NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62 Bil. 1	**1hb Januari 2009**	*TAMBAHAN No. 1* *PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 1.

AKTA BINATANG 1953 (SEMAKAN - 2006)

PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 36(1)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Semakan - 2006) [*Akta 647*], Saya, Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa wujudnya Penyakit Kuku dan Mulut di kalangan lembu, kerbau, khinzir, kambing dan bebiri dalam beberapa Negeri di Semenanjung Malaysia, dengan ini membuat Perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini boleh dinamakan **Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Negeri Perak 2008** dan hendaklah terpakai bagi seluruh Negeri Perak Darul Negeri.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pengisytiharan kawasan kawalan

2. Dengan ini diisytiharkan bahawa Negeri Perak Darul Ridzuan menjadi kawasan pengawalan Penyakit Kuku dan Mulut.

Larangan pemindahan dan penyembelihan

3. Kecuali dengan kebenaran Pengarah Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya—

(a) tiada seorang pun boleh memindah atau menyebabkan dipindah binatang lembu, kerbau, kambing, bebiri dan babi atau apa-apa karkas atau sebahagian daripadanya di antara satu tempat ke tempat yang lain atau rumah sembelih di Negeri Perak;

(b) tiada seorang pun boleh memindah atau menyebabkan dipindah binatang lembu, kerbau, kambing, bebiri dan babi atau apa-apa karkas atau sebahagian daripadanya keluar dari Negeri Perak;

(c) tiada seorang pun boleh memindah atau menyebabkan dipindah binatang lembu, kerbau, kambing, bebiri dan babi atau apa-apa karkas atau sebahagian daripadanya masuk ke Negeri Perak;

(d) tiada seorang pun boleh menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang lembu, kerbau, kambing, bebiri dan babi di Negeri Perak dan jika dibenarkan, penyembelihan hendaklah dijalankan di suatu tempat yang ditetapkan dalam kebenaran tersebut;

(e) tiada seorang pun boleh memiliki, menjual atau mempamerkan untuk dijual apa-apa daging atau mana-mana bahagian binatang lembu, kerbau, kambing, bebiri dan babi yang tidak disembelih di Rumah Sembelih yang diluluskan oleh Pengarah Negeri,

dalam tempoh perintah ini berkuat kuasa.

Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Veterinar

4. (1) Pengarah Negeri atau mana-mana pihak veterinar berhak dan boleh menetapkan apa-apa peraturan tambahan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi tujuan mengawal merebaknya penyakit tersebut dan hendaklah dipatuhi oleh sesiapa yang memindah atau menyembelih binatang tersebut.

(2) Mana-mana pihak veterinar berhak dan boleh untuk mengenakan apa-apa tanda selar, tag, cap material, melekatkan apa-apa logo, label atau mengecap sama ada secara kekal atau sementara mana-mana binatang atau karkas yang disembelih di bawah perintah ini.

Pembatalan

5. Pemberitahuan *Warta* Kerajaan No. 850 tahun 1997 yang disiarkan pada 11 September 1997 hendaklah dibatalkan.

Bertarikh 15 September 2008
[JPH/BP/IP213/02; PU.Pk. 67/71-12]

DATO' SERI IR. HAJI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN
Menteri Besar
Perak

ANIMAL ACT 1953 (REVISED - 2006)

ORDER UNDER SECTION 36(1)

IN exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Animal Act 1953 (Revised - 2006) [*Act 647*], I, Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin, the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan having reasonable cause to believe that the existence of Foot and Mouth Disease amongst cattle, buffaloes, swine, goats and sheep in certain States in Peninsular of Malaysia, therefore makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (1) This order may be cited as the **State of Perak Foot and Mouth Disease Control Area Order 2008** and shall apply throughout the State of Perak Darul Ridzuan.

(2) This Order shall come into operation on the date its published in the *Gazette*.

Declaration of control area

2. It is hereby declared that the whole State of Perak is a Foot and Mouth Disease Control Area.

Prohibition of movement or slaughter

3. Except with a written permission of the State Director or any authorized officer appointed by him—

(a) no person shall move or cause to be moved any cattle, buffaloes, swine, goats and sheep or any other carcass or part thereof between one place and another or abattoir in the State of Perak;

(b) no person shall move or cause to be moved from the State of Perak any cattle, buffaloes, swine, goats and sheep or its carcass or any part thereof;

(c) no person shall move or cause to be moved into the State of Perak any cattle, buffaloes, swine, goats and sheep or its carcass or any part thereof;

(d) no person shall slaughter or cause to be slaughtered in the State of Perak any cattle, buffaloes, swine, goats and sheep, and such slaughter if allowed shall be carried out in the place specified in the said permission;

(e) no person shall be in possession, sell or display for sale any carcass that has not been slaughtered at an abattoir approved by a State Director,

during the period that this order is in force.

Power of veterinary authority

4. (1) The State Director or any veterinary authority may prescribe any additional regulations which is deemed necessary from time to time to control the spread of the disease and shall be complied with by any person who moved or slaughtered the animal.

(2) Any veterinary may at any time brand, tag, chop or stick any logos, label or chop permanently or temporarily any animals or carcass that is slaughtered under this order.

Revocation

5. The Government *Gazette* notification No. 850 of 1997 published on 11 September 1997 shall be revoked.

Dated 15 September 2008
[JPH/BP/IP213/02; PU.Pk. 67/71-12]

DATO' SERI IR. HAJI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN
Menteri Besar
Perak

Pk. P.U. 2.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN MARGASTUA IDRIS SHAH
(MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) (FI) (PINDAAN) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102*(f)* Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Taiping membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini boleh dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman Margastua Idris Shah (Majlis Perbandaran Taiping) (Fi) (Pindaan) 2008**.

Pindaan Jadual

2. Undang-Undang Kecil Taman Margastua Idris Shah (Majlis Perbandaran Taiping) (Fee) 1992 [*Pk. P.U. 38/92*] dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL

[perenggan 3(3)]

Kategori Pelawat/Kelengkapan	*Fi (RM)*
Pelawat	
(1) Dewasa	12.00 seorang
(2) Kanak-kanak (3 - 12 tahun)	8.00 seorang
(3) 50% diskaun untuk rombongan sekolah:	
(i) Pelajar Sekolah Menengah ... ... (1 orang guru layak untuk masuk percuma bagi setiap 15 orang pelajar)	6.00 seorang
(ii) Pelajar Sekolah Rendah ... ... (1 orang guru layak untuk masuk percuma bagi setiap 15 orang pelajar)	4.00 seorang
(4) 50% diskaun semasa tempoh tawaran istimewa:	
(i) Dewasa	6.00 seorang
(ii) Kanak-kanak	4.00 seorang
(5) 30% diskaun untuk pelawat yang memegang kad pengenalan yang beralamat di Daerah Larut, Matang dan Selama dan Daerah Kerian:	
(i) Dewasa	8.00 seorang
(ii) Kanak-kanak	5.00 seorang
(6) 20% diskaun untuk rombongan pelancong melebihi 20 orang:	
(i) Dewasa	10.00 seorang
(ii) Kanak-kanak	6.00 seorang
(7) 20% diskaun untuk warga tua (55 tahun ke atas) ...	10.00 seorang
Kelengkapan:	
(1) Kamera	Percuma
(2) Kamera video	5.00 seunit

Safari Malam

(Waktu Melawat)

(Isnin hingga Jumaat – 8.00 malam hingga 11.00 malam)
(Sabtu dan malam sebelum cuti umum – 8.00 malam hingga 12.00 malam)

Kategori Pelawat/Kelengkapan		*Fi (RM)*
Pelawat		
(1)	Dewasa … … … … …	16.00 seorang
(2)	Kanak-kanak (3-12 tahun) … … …	10.00 seorang
(3)	50% diskaun untuk rombongan sekolah:	
	(i) Pelajar Sekolah Menengah … … … (1 orang guru layak untuk masuk percuma bagi setiap 15 orang pelajar)	8.00 seorang
	(ii) Pelajar Sekolah Rendah … … … (1 orang guru layak untuk masuk percuma bagi setiap 15 orang pelajar)	5.00 seorang
(4)	50% diskaun semasa tempoh tawaran istimewa:	
	(i) Dewasa … … …	8.00 seorang
	(ii) Kanak-kanak … … …	5.00 seorang
(5)	30% diskaun untuk pelawat yang memegang kad pengenalan yang beralamat di Daerah Larut, Matang dan Selama dan Daerah Kerian:	
	(i) Dewasa … … …	11.00 seorang
	(ii) Kanak-kanak … … …	7.00 seorang
(6)	20% diskaun untuk rombongan pelancong melebihi 20 orang:	
	(i) Dewasa … … …	13.00 seorang
	(ii) Kanak-kanak … … …	8.00 seorang
(7)	20% diskaun untuk warga tua (55 tahun ke atas) …	13.00 seorang
Kelengkapan:		
(1)	Kamera … … …	Percuma
(2)	Kamera video … … …	5.00 seunit.”

Bertarikh pada 31 Oktober 2008
[M.P.Tpg. A1/10/2/32; PU.Pk. 23/75 (Bhg. ix)]

OMOR BIN SAD
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

Disahkan pada 12 Disember 2008
[PSUK.PK(KT-AM) PU.Pk. 23/75 (Bhg. ix)]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

TAMAN MARGASTUA IDRIS SHAH
(TAIPING MUNICIPAL COUNCIL) (FEE) (AMENDMENT) BY-LAWS 2008

IN exercise of the powers conferred by section 102 *(f)* of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Taiping Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

Citation

1. These by-law may be cited as the **Taman Margastua Idris Shah (Taiping Municipal Council) (Fee) Amendment) By-laws 2008**.

Amendment of Schedule

2. The Taman Margastua Idris Shah (Taiping Municipal Council) (Fee) By-laws 1992 [*Pk. PU. 38/92*] are amended by substituting for the Schedule the following Schedule:

"SCHEDULE

[paragraph 3(3)]

Category of Visitors/Equipment	*Fee (RM)*
Visitors	
(1) Adults	12.00 per person
(2) Children (3 - 12 years)	8.00 per person
(3) Discount 50% for school group:	
(i) Secondary school student ... ... (1 teacher entitled to enter free of charge for every 15 students)	6.00 per person
(ii) Primary school student ... ... (1 teacher entitled to enter free of charge for every 15 students)	4.00 per person
(4) Discount 50% during special offer period:	
(i) Adults	6.00 per person
(ii) Children	4.00 per person
(5) Discount 30% for visitors with identity card bearing an address within the District of Larut, Matang and Selama and District of Kerian:	
(i) Adults	8.00 per person
(ii) Children	5.00 per person
(6) Discount 20% for tourist group of more than 20 persons:	
(i) Adults	10.00 per person
(ii) Children	6.00 per person
(7) Discount 20% for senior citizens (55 years and above) ...	10.00 per person
Equipment:	
(1) Camera	Free
(2) Video camera	5.00 per unit.

Night Safari

(Visiting Hours)

(Monday to Friday – 8.00 p.m. until 11.00 p.m.)
(Saturday and eve of public holiday – 8.00 p.m until 12.00 p.m.)

Catagory of Visitors/Equipment	*Fee (RM)*
Visitors	
(1) Adults … … … … …	16.00 per person
(2) Children (3-12 years) … … … …	10.00 per person
(3) Discount 50% for school group:	
(i) Secondary school students … … … (1 teacher entitled to enter free of charge for every 15 students)	8.00 per person
(ii) Primary school student … … … (1 teacher entitled to enter free of charge for every 15 students)	5.00 per person
(4) Discount 50% during special offer period:	
(i) Adults … … …	8.00 per person
(ii) Children … … …	5.00 per person
(5) Discount 30% for visitors with identity card bearing an address within the District of Larut, Matang and Selama and District of Kerian:	
(i) Adults … … …	11.00 per person
(ii) Children … … …	7.00 per person
(6) Discount 20% for tourist group of more than 20 persons:	
(i) Adults … … …	13.00 per person
(ii) Children … … …	8.00 per person
(7) Discount 20% for senior citizens (55 years and above) …	13.00 per person
Equipment:	
(1) Camera … … … … …	Free
(2) Video camera… … … … …	5.00 per unit.”

Dated 31 October 2008
[M.P.Tpg. A1/10/2/32; PU.Pk. 23/75 (Bhg. ix)]

OMOR BIN SAD
President
Taiping Municipal Council

Confirmed 12 December 2008
[PSUK.PK(KT-AM) PU.Pk. 23/75 (Bhg. ix)]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak Ⓗ

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB